

# Perkasa Melayu Pulau Pinang

UM- 22/11/2006

**Ucapan Menteri  
Kewangan Kedua,  
Tan Sri Nor Mohamed  
Yakcop pada Majlis Makan  
Malam Silaturahmi anjuran  
Persatuan Melayu  
Pulau Pinang (Pemenang)  
di Pulau Pinang,  
20 November 2006**

**Perdana Menteri telah mengambil langkah tegas  
untuk memecahkan kitaran ganas ini dengan  
mewujudkan kitaran kebaikan melalui pelaksanaan  
secara *fast track* beberapa projek besar  
di Pulau Pinang dalam masa terdekat**

Datuk Bandar Kuala Lumpur yang terkemuka, iaitu Datuk Elyas Omar dan Datuk Kamarulzaman Shariff juga merupakan anak Pulau Pinang.

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC yang terkenal juga merupakan anak Pulau Pinang. CEO Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Che Khalib, orang Bayan Lepas. Datuk Azmi, CEO SME Bank, orang seberang; Datuk Bakke Salleh CEO Felda; Datuk Ahmad Rozi Pawanteh CEO Amanah Raya Berhad (ARB); Abang Wahab Abdullah, CEO MIMOS, semuanya anak Pulau Pinang.

Bukan sahaja itu, ketua setiausaha (KSU) kementerian juga ada yang orang Pulau Pinang. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Izzuddin Dali, anak Balik Pulau. KSU Kementerian Perumahan, Datuk Fuad Ismail anak Nibong Tebal. Datuk Siti Balkis, KSU Kementerian Penerangan pun, anak mami Pulau Pinang.

Begitu hebat sumbangan serta kejayaan orang Melayu Pulau Pinang sejak zaman berzaman.

Tetapi mengapa orang Melayu di Pulau Pinang kini terpinggir? Hari ini kita melihat banyak perkampungan Melayu di Pulau Pinang digantikan dengan projek perumahan serta komersial.

Akibatnya, sedikit demi sedikit, orang Melayu terpaksa berpindah ke kawasan-kawasan yang kurang strategik. Walaupun terdapat ramai usahawan Melayu yang kini lahir dan berkembang, pada masa yang sama ramai lagi usahawan Melayu terpaksa gulung tikar. Kita ada "Lebu Melayu" atau "Malay Street" di bandar raya Georgetown. Tetapi malangnya beberapa kerat sahaja orang Melayu yang tinggal di situ. Di manakah silap kita?

Dalam perkara ini, saya bersetuju dengan pendapat Dr. Nungsari Ahmad Radhi bahawa punca utama peminggiran Melayu Pulau Pinang ialah tahap pendapatan yang tidak setimpal dengan kos pemilikan aset.

Ketidakhadiran memiliki rumah merupakan kesan utama peminggiran orang Melayu. Kawasan pembangunan baru hampir kesemuanya tidak mampu dimiliki oleh orang Melayu.

Oleh kerana penduduk Melayu semakin ramai, semakin ramailah orang Melayu yang tinggal sebagai setinggan di kawasan yang belum dibangunkan. Muncullah "urban slums" - kawasan ala kampung di kawasan bandar.

Kualiti prasarana fizikal dan sosial tempat sebegini adalah juga mundur - tidak menyokong pembangunan masyarakat Melayu. Akhirnya, membawa kepada pelbagai masalah sosial, terutamanya di kalangan generasi muda.

Seperti juga yang disebutkan oleh Dr. Nungsari, kesan peminggiran yang kedua ekoran daripada tidak mampu memiliki rumah ialah orang Melayu rata-rata tidak memiliki aset di dalam bentuk hartanah. Ini menjejaskan "kekayaan" mereka yang berpunca daripada kekurangan "pendapatan" mereka.

Oleh kerana kadar peningkatan harga aset hartanah di pulau adalah jauh lebih tinggi daripada kadar peningkatan pendapatan, jurang ekonomi di antara orang Melayu dan bukan Melayu semakin melebar dengan masa.

Jurang kekayaan ini menjejaskan juga kemampuan orang Melayu menyertai bidang perniagaan. Mengikut Dr. Nungsari, mereka tidak memiliki aset untuk dijadikan modal perniagaan. Pendapatan mereka yang rendah juga tidak memungkinkan mereka mengumpul tabung yang banyak untuk dijadikan modal.

Melayu Pulau Pinang semacam terperangkap dalam satu kitaran ganas (*vicious cycle*) yang menghindarkan mereka untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka.

Kitaran ganas ini bermula dengan pendapatan rendah yang menjadikan mereka tidak mampu memiliki aset, khususnya rumah, dan

pada masa yang sama mereka tidak mampu memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan anak-anak mereka.

Persekitaran kediaman yang tidak selesa tidak mewujudkan suasana yang kondusif bagi anak-anak kita untuk belajar di rumah. Ini adalah di antara sebab yang mendorong anak-anak kita untuk melepak terutamanya di pusat-pusat membeli-belah.

Kemunduran dalam pendidikan telah menyebabkan anak-anak tidak mendapat pekerjaan yang boleh menjamin pendapatan yang lumayan dan oleh yang demikian, sekali lagi generasi ini tidak berkemampuan memiliki aset, khususnya rumah. Dengan demikian kitaran ganas ini berterusan.

Kitaran ganas ini mesti diberhentikan dan digantikan dengan kitaran kebaikan (*virtuous cycle*), di mana pencapaian pendidikan yang lebih tinggi akan menjurus kepada peningkatan pendapatan lebih tinggi, dan ini pula akan membolehkan peningkatan dalam pemilikan aset, khususnya rumah.

Kitaran kebaikan ini akan dapat menjamin kesejahteraan masyarakat Melayu Pulau Pinang.

## Berupaya

Dalam hal ini, peranan kerajaan akan ditumpukan kepada usaha menyediakan peluang ekonomi di Pulau Pinang dan memastikan masyarakat Melayu Pulau Pinang berupaya untuk memanfaatkan peluang-peluang ini.

Untuk memperkukuhkan keupayaan masyarakat Melayu, kerajaan akan mempergiatkan pembangunan modal insan serta menyediakan perumahan berkualiti yang mampu dimiliki.

Perdana Menteri kita telah mengambil langkah tegas untuk memecahkan kitaran ganas ini dengan mewujudkan kitaran kebaikan melalui pelaksanaan secara *fast track* beberapa projek besar di Pulau Pinang dalam tempoh yang terdekat.

Yang pertama, ialah Jambatan Pulau Pinang Kedua yang telah pun dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 12 November 2006. Kerajaan Pulau Pinang juga telah memberi jaminan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan dan pengambilan tanah.

Pembinaan Jambatan Kedua ini, yang melibatkan kos yang melebihi RM3 bilion, sudah tentunya akan menyediakan banyak peluang kerja kepada kontraktor Pulau Pinang, khususnya kontraktor Melayu.

Adalah dijangkakan kontrak bernilai RM 800 juta akan ditawarkan kepada kontraktor tempatan, terutamanya kontraktor-kontraktor Melayu dalam tempoh lebih kurang tiga tahun.

Ini akan memberi manfaat kepada 20 kontraktor Kelas A, B dan C, 50 kontraktor kelas D dan E dan 200 kontraktor kelas F. Di samping itu, profesional Melayu seperti juruter, arkitek, juruukur dan akauntan akan juga dapat manfaat daripada pembinaan projek ini.

Dua lagi projek utama yang akan dilaksanakan iaitu projek monorel dan Penang Outer Ring Road (PORR), akan juga menyediakan peluang untuk kontraktor dan profesional Melayu.

Selain daripada langkah-langkah untuk menyediakan peluang ekonomi, kerajaan akan juga melaksanakan secara langsung projek-projek perumahan untuk masyarakat Melayu Pulau Pinang.

Projek perumahan ini akan tertumpu di pulau supaya masyarakat Melayu dapat mengambil manfaat daripada peluang yang disediakan.

Pertamanya ialah projek perumahan di Tanjung Tokong yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Pembinaan projek ini dibahagikan kepada dua, iaitu Warisan Tanjung yang melibatkan kawasan seluas 22 ekar dan Tanjung West yang melibatkan 45 ekar. Di Warisan Tan-

jung, UDA akan membina 800 rumah kos rendah dengan keluasan 800 kaki persegi tiap-tiap unit.

Sejumlah 95 peratus penghuni akan terdiri daripada orang Melayu. Ini juga melibatkan penempatan semula penduduk asal kampung tersebut. Di Tanjung West, kita akan memastikan bahawa sebahagian besar daripada 1,200 unit rumah dan kondominium dan 150 unit kedai dimiliki oleh Melayu Pulau Pinang.

Kedua, Yayasan Pelaburan Hartanah Bumiputera telah mengenal pasti 3 bidang tanah yang dimiliki oleh GLC untuk dibangunkan rumah-rumah dan kondominium, yang kebanyakannya akan dimiliki oleh masyarakat Melayu Pulau Pinang.

Jumlah keluasan yang terlibat ialah 120 ekar. Tanah-tanah lain, termasuk tanah yang dimiliki oleh Majlis Agama Pulau Pinang, juga akan dimajukan untuk perumahan secara *fast track*.

Saya ingin beralih kepada satu aspek yang lain yang tidak kurang pentingnya dalam agenda Melayu Pulau Pinang.

Aspek ini ialah pendidikan. Aspek pendidikan itu kritikal. Bila kita bercakap tentang perkara ini, ia sering dikaitkan dengan modal insan dan seterusnya dengan ekonomi.

Faktor utama yang menentukan sama ada masyarakat Melayu Pulau Pinang dapat memanfaatkan peluang ekonomi yang disediakan adalah kecemerlangan pendidikan. Kita harus memiliki kelayakan dan kemahiran yang menepati keperluan pekerjaan.

Sungguhpun pendidikan berhubung kait dengan ekonomi, kita harus juga memahami pendidikan dalam erti kata sebenar, iaitu pendidikan adalah untuk membentuk insan yang berakhlak dan berilmu.

Jadi apa yang hendak dilahirkan oleh pendidikan ialah bukan sahaja modal insan untuk dijadikan aset ekonomi, tetapi lebih daripada itu, iaitu kemampuan intelektual dan moral.

Aspek moral ini harus diberi penekanan memandangkan aspek ini penting untuk memastikan masyarakat Melayu Pulau Pinang tidak luntur semangat perjuangan.

## Melaksanakan

Bagi menyokong pembangunan modal insan, beberapa GLC akan melaksanakan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) di Pulau Pinang. Untuk ini satu mesyuarat telah pun diadakan dengan GLC pada 12 Oktober 2006 khas untuk melaksanakan program sekolah angkat.

Program ini tidak menjurus kepada aspek fizikal seperti bangunan baru. Tumpuan program sekolah angkat ini adalah kepada pembangunan modal insan dan melibatkan program seperti mengadakan kelas tuisyen

bagi mata pelajaran Inggeris, Matematik, Sains dan komputer, serta memberi bantuan bagi perolehan buku, di samping melaksanakan lawatan sambil belajar dan ceramah motivasi.

Adalah diharapkan penglibatan syarikat GLC dapat memberi pendedahan mengenai peluang pekerjaan dan kerjaya selain memperangsangkan semangat dan cita-cita pelajar.

Wanita UMNO Pulau Pinang telah mengenal pasti 26 sekolah yang akan diberi keutamaan iaitu dua bagi setiap bahagian untuk menyertai program ini.

Di samping itu, UEM akan bekerjasama dengan kolej komuniti untuk menyediakan latihan kemahiran manakala Sime Darby akan juga menyediakan program yang sama di bawah inisiatif Pembangunan Koridor Utara.

Akan berjayakah kita dalam misi memartabatkan dan mempertahankan masyarakat Melayu Pulau Pinang? Belum tentu lagi, sungguhpun banyak projek besar akan dilaksanakan.

Sama ada kita berjaya atau tidak, sama ada kita mula berjalan ke arah kehidupan dalam dunia terang-benderang atau berjalan terus dalam remang-remang senja bergantung kepada diri kita sendiri.

Kita harus sanggup berjalan terus mencari dunia baru dengan nilai-nilai baru. Kalau tidak, kita akan terus menjadi seperti sebutir batu kecil berlumpur dalam masyarakat.

Nilai terpenting ialah keyakinan diri sendiri. Kita harus sedar bahawa masyarakat Melayu Pulau Pinang pernah menjadi bangsa yang kuat dan berwawasan.

Kita pernah membina masjid sendiri, madrasah sendiri dan sekolah sendiri tanpa peruntukan kerajaan atau subsidi kerajaan walaupun dalam zaman penjajahan.

Memang sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu Pulau Pinang merupakan bangsa yang bersifat dinamik dan berdaya tahan.

Jangan sekali kita lemah semangat dan getar dalam menghadapi rintangan yang mendatang.

## Kritikal

Dalam tahun-tahun yang mendatang, ini yang merupakan tahun-tahun yang begitu kritikal dalam kelangsungan masyarakat Melayu Pulau Pinang, kita akan menghadapi banyak cabaran.

Kita harus memastikan bahawa jiwa kita tidak terumbang-ambing dihempas-hempas badai. Laksana batu karang yang dihempas badai. Terpuak terus menerus, tetapi tetap kukuh, tidak berbisar.

Kita harus berusaha menarik diri kita tinggi ke atas, mencapai bintang, melepas pandangan jauh dan luas ke hadapan.

Kesuksesan utama orang Melayu di Pulau Pinang bukannya berpunca daripada golongan lain tetapi adalah kelemahan yang ada pada diri kita sendiri.

Kekuatan intelektual dan moral adalah penting untuk mengubah nasib Melayu Pulau Pinang. Pada masa kini mentaliti remeh-temeh serta sikap tidak serius adalah ciri-ciri kelemahan intelektual dan moral kita.

Adalah juga penting bahawa kita, di semua peringkat, dapat membezakan antara kepentingan diri sebagai individu dengan kepentingan masyarakat.

Saya dapati bahawa proses ini sudah pun bermula dan banyak pemimpin Melayu di Pulau Pinang, di semua peringkat, telah mula berusaha sebagai satu pasukan untuk kepentingan masyarakat.

*Dari barat pergi ke Kampar  
Kapal belayar dengan lajunya  
Kita ibarat telur sesangkar  
Pecah sebiji pecah semuanya*

*RMK-9 telah dilancarkan  
Oleh kerajaan membina insan  
Amaran pada yang sayang keturunan  
Jangan jual kuasa di tangan*

*Jalan usaha beribu-ribu  
Rajin bertanya jangan malu  
Keluhan isteri akan berlalu  
Tangis anak jadi lagu*

*Pemenang penjana generasi impian  
Berusaha berbakti meneruskan perjuangan  
Tidak gentar dibuai godaan  
Untuk mengangkat martabat kemuliaan*

**PERTI** yang semua orang tahu, Melayu di Pulau Pinang ini sangat unik dan istimewa. Asal-usul Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan dan juga pusat pentadbiran British telah mengakibatkan ramai pedagang-pedagang Islam dari negara Arab, India, China, Indonesia datang ke sini untuk berdagang. Seterusnya ramai di antara mereka yang terus bermastautin di pulau ini, dari generasi ke generasi sehinggalah ke hari ini.

Sebab itulah, orang-orang Melayu Pulau Pinang yang hadir pada malam ini, mancung-mancung belaka. Sebab hidung-hidung yang mancung inilah, anak-anak mami Pulau Pinang laku. Kalau tidak, takkan P.Ramlee gilakan Chombee - anak mami.

Orang-orang Melayu Pulau Pinang patut bersyukur kerana kita mempunyai tokoh-tokoh yang hebat, yang berjiwa besar dan berpandangan jauh untuk membawa orang-orang Melayu ke mercu kejayaan.

Hasil daripada usaha tokoh-tokoh ini, datipatlah kita menikmati apa yang kita ada hari ini. Nama-nama besar ini haruslah dijulung dan jasa mereka tetap dikenang.

Antaranya, Allahyarham Tan Sri Syed Abbas Al-Habshee, Allahyarham Datuk Haji Abdul Rahim Khan, Datuk CM Hashim, Datuk Syed Mohamed Aidid dan ramai lagi. Yang turut ada bersama-sama dengan kita pada malam ini Datuk Haji Yusof Latif, Datuk Azmi Merican. Jasamu semua tetap dikenang.

*Kain perai baju perai  
Pakaian anak Yam Tuan Muda  
Hancur badan tulang bercerai  
Budi yang baik dikenang juga*

*Kait kelapa kukur kelapa  
Kupas ubi buat pengat  
Hendak ku lupa tak terlupa  
Kerana budi sudah terpahat*

Yang Dipertua Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) yang pertama, pada tahun 1927 adalah seorang profesor, yang merupakan seorang doktor perubatan. Semenjak tahun 20-an, sudah ada anak Pulau Pinang bergelar profesor.

Kemungkinan besar, Dr. A.O. Merican merupakan seorang doktor perubatan yang pertama di Malaya. Sungguhpun komuniti Melayu di pulau ini agak kecil bilangannya, akan tetapi sumbangan kita sejak dahulu sehingga kini amat besar.

## Menyandang

Dua orang anak Melayu Pulau Pinang pernah menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri. Sekarang ini Perdana Menteri kita, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah anak Melayu Pulau Pinang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, walaupun beliau berasal dari Kedah, akan tetapi bapa beliau adalah anak kelahiran Pulau Pinang. Maka Dr. Mahathir bolehlah dikira sebagai *Semi Penangite*.

Dua bekas Menteri Besar Perlis juga merupakan anak Melayu Pulau Pinang. Sheikh Ahmad, iaitu ayah kepada Datuk Seri Radzi, kini menteri yang juga Setiausaha Agung UMNO adalah anak kelahiran Pulau Pinang.

Seorang lagi bekas Menteri Besar Perlis yang berasal dari Pulau Pinang adalah Datuk Seri Dr. Hamid Pawanteh, yang kini menjadi Speaker Dewan Negara. Dua orang bekas